



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS** : SENI DAN KREATIVITI AWAL KANAK-KANAK  
**KOD KURSUS** : DEC1083  
**PEPERIKSAAN** : JUN 2024  
**MASA** : 3 JAM

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian:                   **BAHAGIAN A (50 Markah)**  
   **BAHAGIAN B (50 Markah)**
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 10 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH LIMA (25)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan Objektif.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan seni dalam konteks pendidikan kanak-kanak?
  - A Latihan sukan.
  - B Pembelajaran sains.
  - C Aktiviti kreatif dan ekspresif.
  - D Proses pembelajaran Matematik.
  
2. Apakah kepentingan seni dalam perkembangan kanak-kanak?
  - A Hadkan kreativiti.
  - B Kurangkan daya imaginasi.
  - C Menghalang luahan perasaan.
  - D Meningkatkan kemahiran kognitif.
  
3. Bagaimakah seni boleh mempengaruhi perkembangan kanak-kanak?
  - A Meningkatkan kebosanan.
  - B Menghalang interaksi sosial.
  - C Mempercepatkan kemerosotan kognitif.
  - D Menggalakkan pemikiran kreatif dan penyelesaian masalah.
  
4. Bagaimakah seni membantu dalam pengenalan kanak-kanak kepada warna, bentuk dan tekstur?
  - A Dengan memfokuskan pembelajaran sains semata-mata.
  - B Hanya melalui pengajaran teori warna, bentuk dan tekstur.
  - C Seni tidak berkaitan dengan pengecaman warna, bentuk dan tekstur.
  - D Dengan melibatkan kanak-kanak dalam aktiviti melukis dan mewarna.

5. Mengapakah penting untuk melibatkan kanak-kanak dalam aktiviti seni dari usia prasekolah?
  - A Untuk menghadkan kreativiti kanak-kanak.
  - B Untuk menghadkan imaginasi dan kreativiti mereka.
  - C Untuk membantu mereka memahami konsep matematik.
  - D Untuk mengembangkan kemahiran ekspresi dan penyelesaian masalah.
6. Apakah salah satu faedah utama seni dalam pendidikan kanak-kanak?
  - A Hadkan ekspresi emosi.
  - B Menghalang perkembangan kreativiti.
  - C Menggalakkan pemikiran kritis dan kreativiti.
  - D Membantu mengurangkan kecerdasan kanak-kanak.
7. Apakah satu hubungan antara seni dan pendidikan kanak-kanak?
  - A Seni hanya mementingkan aspek fizikal kanak-kanak.
  - B Seni mengukuhkan kreativiti dan imaginasi kanak-kanak.
  - C Seni tidak memberi kesan kepada pendidikan kanak-kanak.
  - D Seni tidak menyumbang kepada perkembangan kanak-kanak.
8. Apakah yang dimaksudkan dengan aspek perkembangan seni kanak-kanak?
  - A Hanya berkaitan dengan bahasa.
  - B Hanya melibatkan kemahiran fizikal.
  - C Berkaitan dengan kemahiran kognitif.
  - D Merangkumi kognitif, sosial/emosi, linguistik, fizikal dan estetik.
9. Pada peringkat manakah kanak-kanak biasanya mula membuat tanda perkembangan artistik?
  - A 5-7 tahun.
  - B 2-4 tahun.
  - C 8-10 tahun.
  - D 11-13 tahun.

10. Apakah peringkat perkembangan artistik di mana kanak-kanak mula menghasilkan simbol yang mewakili objek di sekeliling mereka?
- A 2-4 tahun.  
B 4-7 tahun.  
C 8-10 tahun.  
D 11-13 tahun.
11. Bagaimanakah aspek kognitif mempengaruhi perkembangan artistik kanak-kanak?
- A Tidak mempunyai kaitan.  
B Hanya mempengaruhi aspek fizikal.  
C Hanya berkaitan dengan penguasaan bahasa.  
D Membantu dalam memahami konsep ruang, bentuk dan warna.
12. Apakah salah satu peringkat dalam perkembangan artistik kanak-kanak selepas mereka mula menghasilkan simbol?
- A Mewarna tanpa meletakkan sempadan.  
B Membuat tanda dengan ketepatan yang tinggi.  
C Menghasilkan simbol-simbol yang tiada maksud.  
D Tidak mempunyai peringkat seterusnya selepas menghasilkan simbol.
13. Peringkat manakah yang melibatkan scribbling dan digunakan untuk kanak-kanak berumur antara 2 dan 4 tahun?
- A Peringkat 1.  
B Peringkat 2.  
C Peringkat 4.  
D Peringkat 6.

14. Pada peringkat berapa kanak-kanak mula melukis objek yang mereka lihat di sekeliling mereka menggunakan garisan?
- A Peringkat 1.  
B Peringkat 2.  
C Peringkat 3.  
D Peringkat 5.
15. Apakah peringkat di mana kanak-kanak mula melukis objek yang mereka lukis dengan lebih tersusun dengan bahagian langit dan tanah?
- A Peringkat 2  
B Peringkat 3  
C Peringkat 4  
D Peringkat 6
16. Pada peringkat berapa lukisan menjadi lebih realistik dan teliti serta kanak-kanak mula membandingkannya dengan lukisan rakan mereka?
- A Peringkat 1  
B Peringkat 3  
C Peringkat 4  
D Peringkat 5
17. Apakah peringkat yang menitikberatkan kepekaan konsep realistik dan rasional?
- A Peringkat 2  
B Peringkat 3  
C Peringkat 5  
D Peringkat 6

18. Pada peringkat berapa kanak-kanak jarang berkongsi dengan rakan sebaya kerana mereka mungkin berasa malu atau rendah diri jika lukisan mereka dianggap tidak menarik?
- A Peringkat 1  
B Peringkat 3  
C Peringkat 5  
D Peringkat 6
19. Apakah peringkat yang menekankan proses penghasilan karya dan menunjukkan kematangan dalam membuat keputusan?
- A Peringkat 6  
B Peringkat 4  
C Peringkat 2  
D Peringkat 1
20. Apakah yang dimaksudkan dengan seni visual?
- A Seni yang hanya melibatkan perasaan.  
B Seni yang hanya melibatkan permainan.  
C Seni yang hanya melibatkan pendengaran.  
D Seni yang melibatkan visualisasi melalui gambar dan lukisan.
21. Mengapakah pengetahuan tentang bahan dan teknik dalam menghasilkan karya seni penting?
- A Kerana hanya idea kreatif yang penting.  
B Tidak memberi kesan kepada proses kreatif.  
C Kerana ia tidak menjasaskan mutu hasil seni.  
D Memahami cara terbaik untuk membawa idea kreatif akan membawa hasil.
22. Apakah satu contoh bahan yang biasa digunakan dalam lukisan?
- A Pen dan kertas.  
B Pensel dan cat.  
C Kain dan jarum.  
D Kertas dan pensel.

23. Mengapa penting untuk melahirkan idea kreatif dalam menghasilkan karya seni?
- A Idea kreatif tidak memberi kesan kepada penonton.
  - B Memastikan karya seni kelihatan sama seperti yang lain.
  - C Kerana idea kreatif tidak memberi nilai tambah kepada hasil seni.
  - D Kerana idea kreatif merupakan aspek penting dalam ekspresi diri dan inovasi.
24. Apakah teknik lukisan yang melibatkan penggunaan pensel kecil dan ketepatan dalam melukis objek yang kecil dan halus?
- A Teknik akrilik.
  - B Teknik pensel.
  - C Teknik cat air.
  - D Teknik cat minyak.
25. Mengapa pengetahuan tentang pelbagai teknik dalam seni visual penting?
- A Kerana hanya idea kreatif yang penting.
  - B Kerana teknik tidak mempengaruhi keputusan akhir.
  - C Kerana teknik tidak memberi kesan kepada karya seni.
  - D Untuk memahami cara penyampaian idea yang berbeza.

**[50 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Pengenalan kepada seni dan kanak-kanak memperkenalkan elemen-elemen kreativiti dan ekspresi dalam bentuk visual kepada kanak-kanak. Ini adalah fasa penting dalam perkembangan mereka untuk memahami dan mengaplikasikan konsep seni dalam kehidupan harian mereka.

- a. Jelaskan **lima (5)** peranan kreativiti dalam pengenalan dalam seni bagi kanak-kanak?  
(10 markah)
  
- b. Bagaimanakah **lima (5)** peranan kreativiti boleh mempengaruhi perkembangan keseluruhan mereka?  
(10 markah)

**SOALAN 2**

Aspek dan peringkat perkembangan artistik kanak-kanak merupakan proses penting dalam memahami dan mengekspresikan seni untuk mereka. Ini melibatkan pelbagai peringkat kreativiti dan penciptaan sepanjang perjalanan pembelajaran mereka dalam seni.

- a. Terangkan **lima (5)** kepentingan penghasilan simbol awal dalam perkembangan artistik kanak-kanak untuk proses pembelajaran dan perkembangan keseluruhan mereka?

(10 markah)

- b. Huraikan **lima (5)** perbezaan utama antara peringkat penghasilan simbol pada umur 2-4 tahun dan peringkat penghasilan simbol awal pada umur 5-7 tahun dalam perkembangan artistik kanak-kanak?

(10 markah)

**SOALAN 3**

Seni visual terutamanya lakaran dan lukisan membolehkan kanak-kanak meluahkan idea kreatif mereka melalui medium visual. Proses ini melibatkan penggunaan elemen seperti garisan, warna dan ciptaan untuk menghasilkan karya yang unik dan bermakna.

- a. Huraikan **lima (5)** contoh bagaimana elemen ini digunakan untuk menyampaikan maksud atau emosi dalam karya seni.

(10 Markah)

**[50 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**

